



SIARAN MEDIA

JBK JALIN KERJASAMA STRATEGIK DENGAN AKPS PERKUKUH PENGUATKUASAAN AKTA BIOKESELAMATAN 2007

Jabatan Biokeselamatan (JBK) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menjalinkan kerjasama strategik bersama Agensi Kawalan & Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), sebagai langkah memperkukuh penguatkuasaan Akta Biokeselamatan 2007.

Kerjasama ini bukan sahaja memperkukuh kawalan terhadap Organisma Yang Diubahsuai Secara Genetik (GMO) di pintu masuk negara, malah mampu meningkatkan latihan pegawai, memperbaiki perkongsian data serta memastikan prosedur yang lebih bersepadu.

Pertukaran dokumen kerjasama strategik ini diadakan pada Majlis Simposium Biokeselamatan 2025 antara JBK yang diwakili Ketua Pengarah Biokeselamatan, Lornie Enggong dan Timbalan Ketua Pengarah AKPS, Ismail Mokhtar dengan disaksikan oleh Timbalan Menteri NRES, Dato' Sri Huang Tiong Sii, Ketua Setiausaha, Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam), Datuk Nor Yahati Awang dan Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli), Norsham Abdul Latip.

Majlis perasmian Simposium Biokeselamatan bersempena Kepengerusian ASEAN 2025 Malaysia bertemakan "Memperkasakan Biokeselamatan untuk Kelestarian Masa Hadapan" disempurnakan oleh Timbalan Menteri NRES, Dato' Sri Huang Tiong Sii.

Dalam ucapannya beliau berkata, di bawah Akta ini, sebarang aktiviti melibatkan GMO tidak dibenarkan tanpa penilaian risiko yang ketat bagi melindungi lima matlamat utama iaitu kesihatan manusia, kesihatan tumbuhan, kesihatan haiwan, alam sekitar serta kepelbagaian biologi.

"Pendekatan ini selaras dengan Protokol Cartagena mengenai Biokeselamatan sejak tahun 2003. Skop perundangan kita adalah menyeluruh dengan merangkumi aktiviti yang dijalankan dalam keadaan terkawal di makmal dan fasiliti pengeluaran melibatkan GMO, ujian lapangan, import dan eksport GMO, pelepasan produk untuk

dipasarkan, serta pemantauan dan penilaian terhadap semua aktiviti ini di seluruh Malaysia,” katanya lagi.

Penganjuran simposium ini bukan sahaja menjadi wadah perkongsian ilmu dan pengalaman, malah mengukuhkan komitmen Malaysia dalam memastikan biokeselamatan terus diperkasa untuk melindungi biodiversiti, menjamin keselamatan makanan, serta menjaga kesihatan awam. Ia turut menegaskan peranan Malaysia sebagai peneraju serantau dalam aspek biokeselamatan, seiring usaha ASEAN mencapai pembangunan mampan dan masa depan yang lebih selamat.

Simposium ini turut melibatkan pembentangan daripada pakar Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina dan United Kingdom, yang berkongsi pendekatan kawal selia, inovasi tempatan, serta inisiatif libat urus awam dalam bidang biokeselamatan.

Pada sebelah petang, berlangsung Sesi Dialog bertajuk *“With Great Technology Comes Great Responsibility: Genetically Modified Food from Farm to Plate”*. Sesi ini menampilkan pakar serantau dan global, antaranya daripada CropLife Asia, Lembaga Biokeselamatan Negara, dan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO), yang membincangkan aspek keselamatan makanan, rantai bekalan GMO global serta hak awam dalam proses membuat keputusan.

Jabatan Biokeselamatan berharap penganjuran simposium ini bukan sahaja menyediakan platform rangkaian kerjasama dalam kalangan agensi Kerajaan, pemain industri, akademik, penyelidik dan Badan Bukan Kerajaan, malahan dapat meningkatkan kesedaran awam dalam kalangan rakyat sendiri ke arah melestarikan persekitaran yang selamat.

**JABATAN BIOKESELAMATAN (JBK)
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
21 OGOS 2025**



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel.: 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

